



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Electronic and Communication Engineering / Electrical and Electronics Engineering / Electrical Engineering / Engineering* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Polis Diraja Brunei sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu dalam segala kerja-kerja pemeliharaan elektrik merangkumi kawasan, bangunan dan prasarana Pasukan Polis Diraja Brunei;
2. Membantu menyediakan dan menilai spesifikasi yang akan dihadapkan untuk dibukakan sebutharga dan tawaran;
3. Membantu dalam pemantauan, pelaksanaan dan penyeliaan kerja-kerja syarikat yang dilantik supaya mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang ditetapkan;



4. Membantu dalam pengurusan kerja antara Pasukan Polis Diraja Brunei dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan;
5. Ahli jawatankuasa kecil penilaian dan sokongan teknikal sebutharga dan tawaran;
6. Memantau peralatan keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa adalah dipertanggungjawabkan pemeliharaan peralatan *CCTV*, *X-RAY* barang penumpang dan pengesan besi;
7. Penyediaan sistem QAGE (Urus tadbir sistem kontrak);
8. Membantu dalam pemantauan, pelaksanaan dan penyeliaan kerja-kerja sistem pam air;
9. Membantu dalam pemantauan, pelaksanaan dan penyeliaan kerja-kerja sistem pencegah kebakaran; dan
10. Membantu dalam pemantauan, pelaksanaan dan penyeliaan sistem *lift*.